

Kilang kenaf di Setiu operasi Disember



2
SHAMSUL ISKANDAR MOHD. AKIN (tengah) meneliti batang kenaf kering di kilang kenaf Kampung Air Tawar, Pasir Puteh, Kelantan hari ini. - UTUSAN ONLINE

Torek Sulong

04 Ogos 2018 3:30 PM

PASIR PUTEH 4 Ogos - Kilang memproses kenaf berskala besar bernilai RM25 juta di Setiu, Terengganu telah siap dibina dan dijadual beroperasi secara rasmi mulai Disember tahun ini.

Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Mohd. Akin berkata, kilang berkenaan berupaya menghasilkan 2,000 tan fiber kenaf sebulan akan membantu membuka lebih banyak ruang pekerjaan dan pendapatan kepada petani.

Menurutnya, setakat ini terdapat 1,500 penanaman kenaf seluruh negara dan dengan adanya kilang berkenaan jumlah penanam boleh ditingkatkan sehingga 3,000 orang mulai tahun hadapan.